

18/02/2000

Keputusan bantahan awal pembela hari ini

KUALA LUMPUR, Khamis - Mahkamah Tinggi di sini hari ini akan membuat keputusannya esok berhubung bantahan awal pasukan pembela mengenai sapina yang diserahkan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk hadir sebagai saksi.

Hakim Datuk Ariffin Jaka membuat keputusan itu selepas mendengar bantahan itu yang dibuat oleh peguam bela Datuk Seri Anwar Ibrahim, Karpal Singh dan hujah Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Datuk Abdul Gani Patail.

Ariffin berkata, beliau ingin meneliti semua hujah yang dikemukakan oleh pembela dan pendakwa sebelum membuat keputusan.

Karpal membuat bantahan bahawa Dr Mahathir perlu mengemukakan permohonan secara rasmi untuk mengetepikan sapina itu seperti yang ditetapkan oleh prosedur.

Katanya, pendakwa tidak boleh meminta mahkamah menggunakan Seksyen 136 Akta Keterangan bagi membuat keputusan sama ada keterangan Dr Mahathir mempunyai kaitan dengan kes berkenaan sebelum memanggilnya memberi keterangan.

Dalam hujahnya, Abdul Gani berkata mahkamah mempunyai tanggungjawab untuk menggunakan Seksyen 136 itu apabila seseorang saksi itu dipanggil memberi keterangan.

Katanya, dalam kes hari ini mahkamah bertanggungjawab menanyakan kepada pembela sama ada keterangan yang inginkan dikemukakan oleh Dr Mahathir itu mempunyai kaitan dengan tuduhan yang dihadapi oleh kedua-dua tertuduh.

Beliau berhujah sapina yang dikeluarkan adalah atas permintaan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja dan setakat ini tidak ada sebarang keterangan yang boleh mengaitkan Sukma dengan Dr Mahathir.

Katanya, tidak ada sebarang keterangan menunjukkan Dr Mahathir adalah saksi utama yang melihat perbuatan liwat itu.

Sehubungan itu, katanya, mahkamah perlu memutuskan berhubung kaitan keterangan itu sebelum memanggil Dr Mahathir ke mahkamah.

Abdul Gani berhujah dalam kes yang sedang dibicarakan itu, Dr Mahathir tidak perlu mengemukakan permohonan untuk mengetepikan sapina itu kerana mahkamah boleh menggunakan Seksyen 136.

Katanya, apabila mahkamah membuat keputusannya mengikut seksyen berkenaan, perkara mengenai permohonan mengetepikan sapina tidak timbul lagi.

Karpal pula berhujah saksi yang disapina perlu mengikut prosedur dengan mengemukakan permohonan mengetepikan sapina berkenaan.

Katanya, prosedur perlu dipatuhi dan tidak ada jalan pintas bagi seseorang saksi supaya tidak hadir ke mahkamah.

Beliau berhujah mengikut prosedur yang diamalkan dalam kes sivil dan jenayah, seseorang saksi yang ingin mencabar sapina yang dikeluarkan terhadapnya perlu mengemukakan permohonan mengetepikannya.

Katanya, Seksyen 136 tidak terpakai dalam perkara membabitkan sapina dan mahkamah hanya boleh menggunakan seksyen itu ketika saksi berkenaan memberi keterangannya.

Sementara itu, Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Datuk Azahar Mohamed berkata bahawa pendakwa tidak akan mengemukakan permohonan mencabar keterangan bekas juruiring Anwar, Deputy Superintendan Zull Aznam Haron.

Azahar berkata pendakwa akan berhujah berhubung keterangan Zull Aznam yang didakwa ada percanggahan, di akhir kes pembelaan nanti.

Perbicaraan bersambung esok.

( END )